

# Utusan media rasmi Pesta Konvokesyen USIM, Iceps10

Oleh **ZULAIHA AMINUDIN**

utusanN9@utusan.com.my

**SEREMBAN** 1 Okt. - Akhbar *Utusan Malaysia* dilantik sebagai media rasmi Karnival Keusahawanan Islam ke-10 (Iceps10) dan Pesta Konvokesyen 2014 Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) yang dijadualkan berlangsung pada 13 hingga 16 November ini.

Eksekutif Pengurusan Jenama Utusan, Hazwan Hairul berkata, kesemua acara itu akan berlangsung di kampus induk USIM

di Nilai.

“Kita mengucapkan terima kasih kepada pihak USIM kerana terus memberikan kepercayaan kepada akhbar *Utusan Malaysia* menjadi media rasmi bagi kedua-dua acara penting tersebut,” katanya dekat sini hari ini.

Katanya, melalui kerjasama berkenaan, akhbar *Utusan Malaysia* akan melakukan hebahan, promosi



serta publisiti mengenai pesta konvokesyen dan karnival yang berlangsung itu.

“Kerjasama ini diharapkan dapat mencapai objektif Iceps10 untuk menghidupkan sunnah Rasulullah SAW dan mengantarabangsakan keusahawanan Islam itu sendiri,” jelasnya.

Tambahnya, pada program yang berlangsung kelak, pelbagai aktiviti disusun termasuk simposium ekonomi nasional membabitkan pakar-pakar ekonomi negara, forum khas bertajuk wanita dan kerjaya, selain diadakan Malam Cinta Rasul.

“Turut diadakan, pertunjukan fesyen Islamik dan pertandingan mewarna kanak-kanak. Yang paling hampir ialah pada 9 Oktober ini iaitu bicara simfoni: Kerana cintamu aku berkorban,” ujarnya.

Hazwan menambah, pada 19 Oktober pula akan dilangsungkan Seminar Rumah Tangga Sakinah manakala pada 27 hingga 30 Oktober akan berlangsung Festival Makanan Halal.

“Acara di luar kampus turut berlangsung iaitu pesta buku di Masjid Khalid al-Walid, Titiwangsa, Kuala Lumpur selama tiga hari bermula 29 Oktober,” ujarnya.

Acara lain ialah Seminar Pengurusan Stress yang dikendalikan Timbalan Dekan Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan USIM, Prof. Madya Dr. Sabora Sapon pada 29 Oktober, selain pada 8 November di-



**NURADLI Ridzwan Shah (dua dari kiri) menyampaikan surat pelantikan media rasmi kepada Hazwan Hairul (dua dari kanan) di USIM, Nilai, semalam.**

langsungkan Seminar Remaja Muslim anjuran bersama Iceps10 dan iMuslim serta International Muamalat & Entrepreneurs Conference (IMEC) di hotel Carlton Holiday, Shah Alam.

“Penyertaan IMEC terbuka untuk semua bakal siswazah atau ahli akademik dan pihak yang berminat bolehlah melayari laman web

[iceps10.edu.com.my](http://iceps10.edu.com.my),” kata Hazwan.

Sementara itu, penyerahan surat pelantikan media rasmi itu berlangsung di Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM yang disampaikan oleh Penyelaras Program Iceps10, Dr. Nuradli Ridzwan Shah kepada Hazwan dan Penolong Pengurus Pengurusan Jenama Utusan, Hazura Ahmad Halil.